



## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

### PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEKERJA ASING/ BUKAN PEMASTAUTIN & EKSPATRIAT (PEGAWAI DAGANG) DI SABAH BIL. 1/2025 | 11 MAC 2025

#### 1. Apakah objektif pengiklanan MYFutureJobs sebagai syarat permohonan pengajian pekerja asing/bukan pemastautin dan ekspatriat ?

- Berkuatkuasa **1 Januari 2021**, mana-mana majikan yang ingin melaksanakan pengambilan pekerja bukan warganegara, termasuklah ekspatriat hendaklah mengiklankan kekosongan jawatan sekurang-kurangnya 7 hari bagi sektor Pertanian / Perladangan dan Pembinaan, 14 hari bagi sektor Perkhidmatan, dan 30 hari bagi sektor Pembuatan, bukan pemastautin dan Ekspatriat di **Portal MYFutureJobs**, di bawah Kementerian Sumber Manusia.
- Majikan turut dikehendaki untuk melaksanakan program temu duga sebagai usaha untuk mengambil pekerja tempatan bagi memenuhi kriteria kekosongan jawatan tersebut sebagai pra-syarat bagi pengambilan ekspatriat.
- Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian khas di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri (Bahagian VII Akta Imigresen 1959/63) dan jenis-jenis jawatan ekspatriat yang dikecualikan daripada pelaksanaan ini seperti di Soalan 8.

**2. Adakah pengiklanan di Portal MYFutureJobs menjadi prasyarat bagi penggajian pekerja asing / bukan pemastautin dan ekspatriat di Sabah?**

- Ya. Pengiklanan MYFutureJobs adalah prasyarat yang perlu dilaksanakan oleh pihak majikan sebelum melaksanakan penggajian pekerja asing/bukan pemastautin dan ekspatriat.
- Pematuhan majikan terhadap syarat pengiklanan di portal MYFutureJobs akan dibentangkan dalam **Jawatankuasa Ekspatriat dan Pas Malaysia serta Jawatankuasa Pekerja Asing (JKPAS)** di Negeri Sabah.

**3. Apakah jenis pas imigresen yang tertakluk di bawah pelaksanaan ini?**

- Pengiklanan di Portal MYFutureJobs dan temu duga hanya terpakai bagi pengambilan ekspatriat melalui Pas Penggajian (Employment Pass) dan juga Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) sahaja.
- Dependant Pass (DP), Social Visit Pass (SVP) – Internship (SVP – I), Visit Pass (VP) , Professional Visit Pass (PVP) dan Resident Pass-Talent (RPT) adalah tidak tertakluk di bawah pelaksanaan ini.

**4. Adakah semua sektor terlibat dalam polisi pengiklanan di MYFutureJobs bagi penggajian pekerja asing / bukan pemastautin dan ekspatriat ?**

- **Ya.** Pengiklanan MYFutureJobs melibatkan semua sektor yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi pengambilan pekerja asing / bukan pemastautin dan ekspatriat.
- Namun demikian, surat sokongan yang diperolehi melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan membolehkan individu untuk mendapatkan pas-pas kerja di Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah di bawah kategori Ekspatriat, Pekerja Asing dan pekerja warganegara yang bukan berasal dari Sabah (Pas Kerja Malaysia).

**5. Apakah langkah-langkah utama yang perlu dilaksanakan oleh majikan bagi permohonan pekerja asing / bukan pemastautin atau ekspatriat?**

Langkah-langkah bagi permohonan pekerja asing / bukan pemastautin atau ekspatriat adalah seperti berikut:

- Kuota pengambilan penggajian Pekerja Asing perlu melalui proses temuduga dan kelulusan di *One Stop Centre* (OSC) Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah. Semua isu berkaitan penggajian dan pematuhan undang-undang buruh adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK).
- Daftar **iklan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs** dalam tempoh seperti yang dinyatakan di Soalan 1, serta pastikan semua maklumat jawatan kosong diisi.
- Majikan perlu melaksanakan program **temuduga sepanjang tempoh tarikh pengiklanan jawatan kosong** serta mengemukakan laporan temuduga kepada PERKESO dengan menggunakan **Laporan Pengambilan Pekerja** seperti di **Borang 2**.
- Setelah tamat tempoh pengiklanan di portal MYFutureJobs, PERKESO akan mengeluarkan **Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs** kepada pihak majikan.
- Majikan yang menggajikan **Pekerja Asing** boleh merujuk carta alir proses kerja seperti di **Lampiran 1**, dan **Eskpatriat** seperti di **Lampiran 2**.
- Bagi **Pekerja Bukan Pemastautin Sabah** (Rujuk Carta Alir di **Lampiran 3**) diwajibkan melaksanakan pengiklanan MYFutureJobs (sekurang-kurangnya 30 hari), dan mengemukakan Surat Perakuan Pengiklanan MYFutureJobs serta bukti iklan (*print screen*) kepada Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah, namun boleh mendapatkan pengecualian automatik seperti dalam Soalan 8.

## 6. Apakah standard pengiklanan yang perlu dipatuhi oleh pihak majikan?

- Setiap pengiklanan di portal MYFutureJobs mestilah bagi satu jenis jawatan sahaja. **Majikan tidak dibenarkan mengiklankan multi-jawatan dalam satu pengiklanan.** Contoh dibenarkan adalah *Senior Human Resource Executive* manakala, contoh tidak dibenarkan adalah *Senior Human Resource Executive/ Human Resource Manager*.
- **Nama jawatan yang diiklankan mestilah sama dengan nama jawatan yang akan dimohon oleh majikan di Agensi Kawal Selia dan Jabatan Imigresen Malaysia.** Nama jawatan yang berlainan akan menyebabkan proses permohonan syarikat di Agensi Pelulus dan Jabatan Imigresen Malaysia mengalami kesulitan disebabkan nama jawatan yang berbeza dengan pengiklanan di portal MYFutureJobs.
- **Semua maklumat mandatori pengiklanan di portal MYFutureJobs hendaklah dilengkapkan.** Manual pengguna bagi pengiklanan boleh diakses melalui Laman Web Rasmi PERKESO di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) melalui [https://www.perkeso.gov.my/images/hiring\\_rehiring/010121 - Employer Manual For Expatriate FW v11.pdf](https://www.perkeso.gov.my/images/hiring_rehiring/010121_Employer_Manual_For_Expatriate_FW_v11.pdf)
- **Pengiklanan jawatan mestilah melalui akaun syarikat yang memohon bagi penggajian pekerja asing / ekspatriat itu.** Pengiklanan jawatan menggunakan akaun MYFutureJobs syarikat lain adalah tidak dibenarkan kerana sebarang kelulusan yang dikeluarkan adalah menggunakan nama syarikat yang mengiklankan jawatan tersebut.
- **Majikan perlu memastikan check box “foreign/expatriate application”** dipilih sebagai indikator bahawa pengiklanan adalah sebagai pra-syarat bagi penggajian pekerja asing / ekspatriat. Kegagalan majikan untuk memilih *check box* tersebut akan menyebabkan data pengiklanan tidak dapat diproses.

**7. Adakah Sektor Kerajaan juga perlu mengiklankan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs jika ingin melaksanakan penggajian ekspatriat?**

- **Ya.** Semua jabatan dan agensi dalam sektor kerajaan perlu mengiklankan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs sebelum melaksanakan penggajian pekerja asing / ekspatriat.
- Jenis-jenis jawatan yang dikecualikan daripada pengiklanan seperti di Soalan 8.

**8. Apakah jenis jawatan yang dikecualikan secara automatik daripada pelaksanaan ini?**

**i. Surat sokongan yang dikeluarkan oleh Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri**

Surat sokongan membolehkan individu untuk mendapatkan pas-pas kerja di Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah di bawah kategori Ekspatriat, Pekerja Asing dan pekerja warganegara bukan berasal dari Sabah (Pas Kerja Malaysia).

**ii. Jawatan Penting (*C-Suite & Key Post*)**

Ekspatriat yang bekerja untuk jawatan utama organisasi (*key post*) seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Operasi dan setaraf. Namun demikian, dalam kes-kes tertentu tertakluk kepada bidangkuasa Ketua Menteri Sabah bagi pengisian *Key Post* ini. Jabatan Ketua Menteri melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan akan memaklumkan Urusetia Jawatankuasa Pekerja Asing (JKPAS) atau Jawatankuasa Ekspatriat dan Pas Kerja Malaysia.

**iii. Jawatan Bergaji RM15,000 dan ke atas**

Ekspatriat yang berpendapatan / bergaji pokok bulanan sebanyak RM15,000 dan ke atas.

#### **iv. Representative Office/Regional Office (RERO)**

Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau bagi syarikat/organisers luar negara dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah pejabat yang ditubuhkan di Malaysia untuk melaksanakan aktiviti bagi pihak ibu pejabat syarikat/organisasi. Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau tidak terlibat dalam sebarang aktiviti komersial. Bagi operasi Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau, majikan tidak perlu berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Surat kelulusan/pengesahan MIDA adalah diperlukan bagi permohonan jawatan ekspatriat di bawah kategori ini.

#### **iv. Pelabur/Pemegang Saham/Pemilik**

Pelabur/Pemegang Saham/Pemilik syarikat yang terlibat secara langsung dalam operasi syarikat. Pelabur adalah individu yang melaburkan dana di Malaysia untuk mendapatkan pulangan pelaburan. Pemegang saham pula hendaklah memegang sekurang-kurangnya 30% ekuiti saham dilantik sebagai Pengarah Syarikat dan/atau memegang jawatan berkepentingan dalam syarikat.

#### **v. Pemindahan Korporat/Penempatan/Perjanjian Perdagangan**

Bagi kategori ini, pekerja ditugaskan oleh syarikat induk bekerja di syarikat cawangan di Sabah atau kumpulan syarikat yang bertujuan untuk tujuan latihan/pertukaran/perkongsi pengetahuan/pengalaman antara syarikat, dan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja syarikat.

#### **vi. Pertubuhan Antarabangsa**

Organisasi yang tertakluk di bawah Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) [Akta 485] boleh melantik *Foreign Recruited Staff* (FRS) daripada warganegara asing.

#### **vii. Sektor Sukan**

Pengambilan atlet/profesional untuk menyertai mana-mana organisasi/kelab sukan di Negeri Sabah.

**9. Apakah jenis kategori ekspatriat yang ditetapkan bagi permohonan penggajian ekspatriat?**

<b>KATEGORI PAS PENGGAJIAN</b>	<b>GAJI BULANAN</b>	<b>TEMPOH KONTRAK</b>
Kategori I (Mahir)	RM10,000 dan ke atas	2 hingga 5 tahun
Kategori II (Mahir)	RM5,000 - RM9,999	Maksima 2 tahun
Kategori III (Separa Mahir/Berpengetahuan)	RM3,000 - RM4,999	Maksima 1 tahun

**10. Adakah pengiklanan semula masih diperlukan bagi tujuan pembaharuan pas kerja?**

- **Tidak.** Bagi tujuan lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara, Pas Ekspatriat dan Pas Kerja Malaysia, majikan tidak perlu mengiklankan semula jawatan kosong yang telah pun diluluskan dan tidak perlu melaksanakan semula proses temu duga.
- Majikan boleh terus berurusan dengan Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah bagi tujuan permohonan lanjutan tempoh pas tersebut.
- Dokumen sokongan daripada PERKESO tidak diperlukan bagi tujuan permohonan lanjutan pas di Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.

**11. Bagi jawatan – jawatan yang tidak diberikan pengecualian, apakah langkah yang perlu dilaksanakan oleh majikan bagi pengambilan penggajian pekerja asing/ bukan pemastautin dan ekspatriat?**

- Pendaftaran majikan di MYFutureJobs boleh dilaksanakan melalui pautan <https://employers.myfuturejobs.gov.my/>

- Majikan WAJIB mengiklankan kekosongan jawatan dalam portal MYFutureJobs tetapi dibenarkan mengiklankan jawatan dengan menggunakan kaedah lain yang bersesuaian.
- Majikan dikehendaki mengisi semua maklumat termasuk nama jawatan, kelayakan akademik, gaji, skop kerja, kemahiran dan kompetensi bagi setiap iklan di portal MYFutureJobs.
- Manual pengguna bagi pengiklanan boleh diakses melalui pautan [https://www.perkeso.gov.my/images/hiring\\_rehiring/010121 -  
Employer Manual For Expat FW v11.pdf](https://www.perkeso.gov.my/images/hiring_rehiring/010121_-_Employer_Manual_For_Expat_FW_v11.pdf)

**12. Apakah tanggungjawab majikan setelah mengiklankan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs?**

- Majikan bertanggungjawab untuk melaksanakan temuduga bagi jawatan kosong yang telah diiklankan. Majikan boleh memohon mengadakan temuduga di premis majikan, di pejabat-pejabat PERKESO, Pejabat Tenaga Kerja atau menyertai program temuduga harian/mingguan anjuran PERKESO.
- Majikan juga boleh mendapatkan bantuan untuk melaksanakan proses temuduga dengan kerjasama PERKESO (**silalah rujuk Lampiran 2: Senarai Pegawai**).

**13. Nyatakan kaedah pemantauan yang akan dilaksanakan oleh pihak PERKESO dalam memastikan pematuhan majikan terhadap perkara ini?**

- Majikan perlu melengkapkan **Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan** (rujuk **Lampiran 3**) bagi aktiviti temuduga yang dijalankan mengikut jawatan yang diiklankan. Borang ini perlu disimpan oleh majikan dan dikemukakan menerusi emel [pbppd.sabah@perkeso.gov.my](mailto:pbppd.sabah@perkeso.gov.my) dalam tempoh 1 hingga 3 hari dari tarikh sesi temuduga.



**14. Adakah majikan perlu memaklumkan semua temu duga yang dilaksanakan bagi jawatan yang dimohon?**

- Ya. Majikan hendaklah memaklumkan kepada PERKESO bagi sebarang temu duga yang dilaksanakan.
- Tujuan pemakluman temu duga adalah untuk memastikan PERKESO dapat menghebahkan maklumat temu duga kepada pencari kerja awam dan juga yang berdaftar di portal MYFutureJobs untuk menyertai temu duga yang dilaksanakan pihak majikan.
- Pemakluman temu duga yang akan dijalankan boleh dikemukakan melalui <http://bit.ly/interviewnotificationPERKESO>

**15. Adakah wakil daripada PERKESO akan terlibat secara langsung atau hadir dalam setiap sesi temuduga yang dijalankan oleh pihak majikan ?**

- **Tidak.** Wakil daripada PERKESO tidak terlibat secara langsung atau hadir dalam setiap sesi temuduga yang dijalankan, namun bergantung kepada permintaan pihak majikan.

**16. Bagaimana cara untuk mengetahui status berhubung permohonan pengajian pekerja asing / bukan pemastautin dan ekspatriat?**

- Bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung status keputusan permohonan pengajian pekerja asing / bukan pemastautin atau ekspatriat, majikan perlu merujuk kepada Bahagian Pekerja Asing, dan Bahagian Ekspatriat dan Pas Kerja Malaysia, **Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.**

**Soalan Lazim Bil. 1 Tahun 2025 adalah berkuatkuasa mulai 11 Mac 2025. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO Negeri Sabah di talian 1-300-22-8000 / 03-8091 5300 / 088-517 800 atau emel kepada [pbppd.sabah@perkeso.gov.my](mailto:pbppd.sabah@perkeso.gov.my)**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)  
11 MAC 2025**

**SENARAI AGENSI KAWAL SELIA**


<b>BIL.</b>	<b>AGENSI PELULUS</b>	<b>SUDUT PERTIMBANGAN / SKOP LIPUTAN</b>
1	Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah	Pengerusi / Umum
2	Jabatan Ketua Menteri Sabah	Umum
3	Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK)	Perundangan Perburuhan termasuk Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin
4	Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM)	Sektor Pendidikan dan Latihan
5	Majlis Keselamatan Negara (MKN) Sabah	Umum
6	Jabatan Pertanian Sabah	Sektor Pertanian dan berkaitan
7	Jabatan Perikanan Sabah	Sektor Perindustrian Perikanan
8	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah	Penternakan dan haiwan
9	Malaysia Palm Oil Board (MPOB)	Perladangan Sawit
10	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	Sektor Pembinaan dan berkaitan
11	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	Sektor Pembuatan dan berkaitan
12	Lembaga Koko Malaysia (LKM)	Perladangan Koko
13	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	Pengiklanan MYFutureJobs dan temuduga calon warganegara

\*Tertakluk kepada Seksyen 66 Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) kuasa Ketua Menteri Sabah, iaitu sekatan ke atas hak masuk dan mendapatkan suatu pas atau permit tinggal atau bekerja di Negeri Sabah.


**SENARAI NAMA PEGAWAI OPERASI PAPD NEGERI SABAH**

<b>NO.</b>	<b>NAMA PEGAWAI</b>	<b>NO. TELEFON</b>	<b>E-MEL (@perkeso.gov.my)</b>
1	Florence Binti Blasius	012 614 8431	florence.blasius
2	Vitorina Mosibin	019 382 3978	vitorina.mosibin
3	Glory Maclean	019 287 8684	glory.maclean
4	Jumadia Binti Tai Sin Yu	019 289 1691	jumadia.yu
5	Hernawati Binti. Nurdin	019 676 4279	hernawati.nurdin
6	Joewell Bin David	019 674 2771	joewell.david
7	Patro Eljun Maidau	019 674 0486	patro.maidau
8	Nurazizah binti Eddie	088 517 949	nurazizah.eddie


CARTA ALIR PEMROSESAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING




CARTA ALIR PEMROSESAN PENGGAJIAN EKSPATRIAT (Pegawai Dagang)



CARTA ALIR PEMROSESAN PENGGAJIAN PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN



**SENARAI SEMAK PENGESAHAN PENGIKLANAN JAWATAN  
DALAM PORTAL MYFUTUREJOBS**

<p>Dokumen yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:</p>  <p><b>PERKESO</b> PEJABAT NEGERI PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL WISMA PERKESO NO.11, LRG SEMPELANG, TG. ARU 88100 KOTA KINABALU.</p>	<p style="text-align: right;">BORANG INI ADALAH PERCUMA</p> <p><b>MAKLUMAT MAJIKAN</b></p> <p>NAMA MAJIKAN : .....</p> <p>KOD MAJIKAN : ..... PERKESO</p> <p>NO.LESEN PERNIAGAAN : ..... SSM/GERAN TANAH/NO.KP</p> <p>ALAMAT : .....</p> <p>NO. TELEFON : .....</p> <p>E MEL : .....</p>
<p>UNTUK DISI OLEH PEJABAT PERKESO</p>	<p>(/ ) <b>SYARAT UTAMA</b></p> <p><input type="checkbox"/> Syarikat majikan berdaftar di PERKESO (Permohonan majikan baharu dikecualikan)</p> <p><input type="checkbox"/> Pendaftaran majikan melalui MYFutureJobs secara atas talian (online) di pautan <a href="http://www.myfuturejobs.gov.my">www.myfuturejobs.gov.my</a></p> <p><input type="checkbox"/> Majikan mengiklankan kekosongan jawatan dalam portal MYFutureJobs secara atas talian (online)</p>
<p>Dokumen Diterima Melalui :</p> <p><input type="checkbox"/> Kaunter</p> <p><input type="checkbox"/> Emel: <a href="mailto:pbppd.sabah@perkeso.gov.my">pbppd.sabah@perkeso.gov.my</a></p> <p>Diterima Oleh :</p> <p>.....</p> <p>Nama Petugas Kaunter / Kerani Pentadbiran</p> <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 100px; margin: 10px auto;"></div> <p style="text-align: center;">COP TARIKH TERIMA</p>	<p><b>PERMOHONAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING DAN EKSPATRIAT</b></p> <p><input type="checkbox"/> Salinan kad pengenalan majikan (<b>Perniagaan Tunggal</b>)</p> <p><input type="checkbox"/> Salinan Lesen Perniagaan / SSM / Geran Tanah (<b>Perniagaan Perkongstan</b>)</p> <p><input type="checkbox"/> Salinan bukti pengiklanan di MYFutureJobs <small>(Muka depan iklan di MYFutureJobs haruslah di skrin cetak/printscreem, dicetak dan dikepilkan bersama)</small></p> <p><input type="checkbox"/> Mengisi pautan pendaftaran di <a href="https://forms.office.com/r/aa1WxCCNRf">https://forms.office.com/r/aa1WxCCNRf</a> (online) <small>*Sila abadikan jika tindakan telah dibuat</small></p> <p><input type="checkbox"/> Mengemukakan Laporan Pengambilan Pekerja Tempatan</p> <p><input type="checkbox"/> Majikan menjalankan temuduga dan mengemukakan bukti temuduga <small>(cth: gambar, 'screen shot', atau sebarang pembuktian) 1-3 hari bekerja</small></p>
	<p><b>PERMOHONAN PAS KERJA MALAYSIA BAGI BUKAN PEMASTAUTIN</b></p> <p><input type="checkbox"/> Salinan kad pengenalan pekerja</p> <p><input type="checkbox"/> Surat tawaran kerja oleh majikan</p> <p><input type="checkbox"/> Salinan Lesen Perniagaan / SSM</p> <p><input type="checkbox"/> Salinan bukti pengiklanan di MYFutureJobs <small>(Muka depan iklan di MYFutureJobs haruslah di skrin cetak/printscreem, dicetak dan dikepilkan bersama)</small></p>
	<p><b>DOKUMEN SOKONGAN (Permohonan Pengecualian) :</b></p> <p><input type="checkbox"/> Surat permohonan beserta sebab permohonan</p> <p><input type="checkbox"/> Job Description (JD) jawatan</p>
<small>BORANG YANG PERLU DIKEPIPKAN BERSAMA UNTUK DI LENGKAPKAN OLEH MAJIKAN</small>	
<p><b>UNTUK SALINAN MAJIKAN</b> AKUAN PENERIMAAN DOKUMEN MAJIKAN</p> <p>Nama Syarikat : .....</p> <p>Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang masalah/pertanyaan, sila hubungi pejabat ini di talian: Tel: 0888-517831 / 902      emel: <a href="mailto:pbppd.sabah@perkeso.gov.my">pbppd.sabah@perkeso.gov.my</a></p>	<div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 100px; margin: 10px auto;"></div> <p style="text-align: center;">COP TARIKH TERIMA</p>

**PENTING :-**

- Sila pastikan borang diisi lengkap dengan menggunakan pen dakwat hitam dan dikemukakan bersama-sama dokumen yang diperlukan.
- Semua salinan dokumen (fotostat) hendaklah menggunakan kertas berukuran A4.
- Surat Perakuan akan diproses setelah dokumen dan maklumat diisi dengan lengkap.
- Elakkan daripada:
  - a) membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pernyataan palsu atau kerana representasi palsu; atau
  - b) Membuat secara bertulis atau menandatangani apa-apa akuan, borang, laporan, perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta yang tidak benar atau tidak betul dalam apa-apa butir matan,

*Boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya. (Seksyen 93 AKSP 1969 : Pin.Akta A981)*







Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang masalah/pertanyaan, sila hubungi pejabat ini di talian:

Tel: 088-517800 ext.831/902  
emel: [pbppd.sabah@perkeso.gov.my](mailto:pbppd.sabah@perkeso.gov.my)

SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA



## BORANG 2

			<b>LAPORAN PENGAMBILAN PEKERJA TEMPATAN</b> <small>Nota: Laporan ini perlu dihantar selepas tamat tempoh pengiklanan minimum 30 hari</small>	
A.	Nama Jawatan (seperti yang diiklankan)			
B.	Nama Majikan			
C.	No Pendaftaran Syarikat (SSM/ROB/ROC dll)			
D.	No Kod Majikan (Sekiranya Ada)			
E.	No Telefon Majikan			
F.	Emel Majikan			
G.	Tarikh & Masa Temuduga			
H.	Lokasi Temuduga			

BIL	No Kad Pengenalan Malaysia	Nama Calon	No Telefon	Emel	Jantina	Tahap Pendidikan	Keputusan	Ulasan (Sebab Gagal)
1								
2								
3								
4								
5								
6								
7								
8								
9								
10								

Sila sambung di tab seterusnya

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan akuan ini adalah tidak benar, tidak betul atau palsu, boleh menyebabkan kelewatan permohonan ini diproses atau permohonan boleh ditolak.

PENGESAHAN MAJIKAN		PENGESAHAN PEGAWAI (UNTUK TINDAKAN PERKESO)	
TANDATANGAN		TANDATANGAN	
.....		.....	
Nama		Nama	
Jawatan		Jawatan	
Tarikh		Tarikh	
Cop Syarikat		Cop Pegawai	

**Nota:**

- Borang ini perlu diisi menggunakan format Excel yang boleh dimuat turun melalui laman web PERKESO
- Majikan perlu menyenaraikan semua calon yang memohon di portal MYFutureJobs di dalam senarai ini.
- Kelewatan majikan mengemukakan Laporan Pengambilan Pekerja boleh mengakibatkan kelewatan pemprosesan.

**PROSES KERJA PERMOHONAN PENGESYORAN MYFUTUREJOBS PAPER, SABAH**

